uum/DD49/um/19.09.2005/p: 16(7)

30 peratus siswazah UUM dapat pekerjaan

um 19/9/05 16:7

ALOR STAR 18 Sept. — Lebih 30 peratus daripada graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang tamat pengajian pada setiap tahun memperoleh pekerjaan mengikut kelayakan masing-masing.

Naib Canselor UUM, Datuk Dr. Nordin Kardi berkata kadar itu masih dianggap rendah dan diharap ia dapat ditingkatkan sehingga 70 peratus pada tahun-tahun akan datang.

DR. NORDIN KARDI

Jelasnya, antara usaha yang perlu dilakukan termasuk mempromosi dan memasarkan program yang diajar di universiti berkenaan kepada pasaran serta meningkatkan rangkaian dengan syarikat swasta dan korporat di seluruh negara.

"Para pelajar juga perlu memiliki sikap lebih agresif ketika keluar untuk memohon pekerjaan dan perlu mengikis sikap tunggu dan lihat," katanya kepada para pemberita pada sidang akhbar mengenai Majlis Konvokesyen UUM kali ke-18 di sini hari ini.

Jelasnya, daripada tahun 1988 sehingga tahun 2005, bilangan graduan UUM kini adalah sebanyak 46,086 dan Program Pengurusan Perniagaan mencatat jumlah bilangan pelajar teramai dalam tempoh berkenaan iaitu 12,099 orang .

Nordin memberitahu, graduan yang masih menganggur tidak perlu menjadi 'pengemis' kepada pasaran dan masyarakat bagi meraih simpati untuk mendapatkan pekerjaan.

Tambahnya, mereka seharusnya lebih agresif mempromosikan kemahiran dan bakat yang ada bagi melayakkan mereka menjawat sesuatu pekerjaan di mana-mana syarikat dan jabatan kerajaan.

"Jika sebelum ini mereka menuntut ilmu di universiti dengan bajaan sepenuhnya oleh kerajaan selama tiga hingga empat tahun, apa salahnya bila bergelar graduan nanti, mereka keluar untuk memohon pekerjaan, mereka tunjukkan bakat dan kemahiran yang ada.

"Kita perlu tawarkan kepada pasaran apa yang ada pada diri kita dan jangan ada sikap negatif untuk terus menunggu sahaja, kita ada produk yang boleh dijual pada masyarakat," katanya lagi.

Ditanya mengenai majlis konvokesyen pertama bagi beliau sejak dilantik Naib Canselor UUM, Nordin berharap agar graduan yang berjaya dihasilkan oleh UUM dapat diterima baik oleh masyarakat dan tempoh menunggu untuk mendapat sesuatu pekerjaan juga singkat.